

SULIT



**UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA**

**PEPERIKSAAN AKHIR  
SEMESTER I  
SESI 2014/2015**

NAMA KURSUS : KURIKULUM DAN  
PENGAJARAN SEKOLAH  
RENDAH

KOD KURSUS : BBD 18003

KOD PROGRAM : BBR

TARIKH PEPERIKSAAN : DISEMBER 2014 / JANUARI 2015

JANGKA MASA : 3 JAM

ARAHAN : JAWAB LIMA (5) SOALAN  
SAHAJA

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI EMPAT (4) MUKA SURAT

SULIT

- S1** (a) Apakah definisi Kurikulum Kebangsaan mengikut Akta Pendidikan 1996?  
(5 markah)
- (b) Apakah yang dimaksudkan dengan setiap satu pernyataan berikut:
- (i) Semua bahan yang digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran.
  - (ii) Satu pernyataan mengenai mata pelajaran yang akan diajar kepada murid setiap hari persekolahan dengan peruntukan masa mata pelajaran yang akan diajar serta nama guru yang ditugaskan mengajar.
  - (iii) Aktiviti yang dirancang lanjutan dari proses pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah dan bertujuan untuk membuka peluang menambah, mengukuhkan dan mempraktikkan pengetahuan, kemahiran dan nilai yang dipelajari dalam bilik-bilik darjah.
  - (iv) Suatu bidang pengajaran dan pembelajaran yang dinyatakan.
  - (v) Suatu pernyataan mengenai perkara untuk diajar kepada murid di sekolah sepanjang tahun persekolahan.  
(5 markah)
- (c) Huraikan perbezaan antara kurikulum dan silabus.  
(10 markah)
- S2** (a) Apakah Falsafah Pendidikan Kebangsaan (1988)?  
(5 markah)
- (b) Terangkan **lima (5)** peranan Falsafah Pendidikan Kebangsaan.  
(5 markah)
- (c) Huraikan bagaimanakah Falsafah Pendidikan Kebangsaan mempengaruhi Sistem Pendidikan Negara.  
(10 markah)

- S3** (a) Takrifkan makna istilah berikut mengikut tafsiran Akta Pendidikan 1996 (Pindaan 2002) Akta 550.
- (i) Sekolah
  - (ii) Kelas Peralihan
  - (iii) Pendidikan Prasekolah
  - (iv) Sekolah Bantuan Kerajaan
  - (v) Sekolah Menengah Kebangsaan
- (5 markah)
- (b) Terangkan situasi kes Guru Besar atau Pengetua sekolah boleh didenda.
- (5 markah)
- (c) Huraikan klausa Akta Pendidikan 1996 mengenai Peraturan-Peraturan Pendidikan (Penggaj, Hari dan Cuti Sekolah) 1998.
- (10 markah)
- S4** (a) Nyatakan makna istilah berikut :
- (i) Kurikulum *enacted*
  - (ii) Kurikulum Sebenar
  - (iii) Kurikulum Tercapai
  - (iv) Kurikulum Dihasratkan
  - (v) Kurikulum Tersembunyi
- (5 markah)
- (b) Terangkan perbezaan antara model rekabentuk kurikulum oleh Ralph W. Tyler (1902 – 1994) dan Hilda Taba (1902 – 1967).
- (5 markah)
- (c) Pada pendapat anda bagaimanakah sistem pendidikan kebangsaan dapat memupuk kesefahaman, toleransi dan perpaduan antara kaum di Malaysia?
- (10 markah)
- S5** (a) Apakah maksud *soft landing* dalam konteks pengajaran dan pembelajaran sains dan matematik?
- (5 markah)
- (b) Terangkan **lima (5)** aspirasi Pendidikan Malaysia.
- (5 markah)
- (c) Huraikan perbezaan antara Akta Pelajaran 1961 dengan Akta Pendidikan 1996.
- (10 markah)

- S6** (a) Senaraikan **lima (5)** faktor penentu kemenjadian murid mengikut Kementerian Pendidikan Malaysia. (5 markah)
- (b) Terangkan maksud gelaran Kementerian Pendidikan Malaysia bagi sekolah yang berikut :
- (i) Sekolah Bergerak (*Moving School*)
  - (ii) Sekolah Mengekal Prestasi (*Cruising School*)
  - (iii) Sekolah Berkembang Sederhana (*Strolling School*)
  - (iv) Sekolah Merangkak (*Struggling School*)
  - (v) Sekolah Tenggelam (*Sinking School*)
- (5 markah)
- (c) Huraikan matlamat pendidikan Sekolah Rendah di Malaysia. (10 markah)
- 
- S7** (a) Apakah yang anda ketahui mengenai istilah berikut :
- (i) WIM
  - (ii) Kertas Penerangan
  - (iii) Kertas Tugas
  - (iv) Kertas Kerja
  - (v) VTO
- (5 markah)
- (b) Terangkan maksud pembangunan kurikulum. (5 markah)
- (c) Huraikan carta DaCUM. (10 markah)
- 
- S8** (a) Apakah pengajaran bermodular? (3 markah)
- (b) Mengapakah pengajaran bermodular amat digalakkan dalam PTV? (7 markah)
- (c) Huraikan ciri-ciri asas suatu pengajaran bermodular. (10 markah)

**-SOALAN TAMAT-**